

28 JUL 2002

Sukan-Hoki (Remaja)

MSS TERENGGANU BELASAH TAIPING 15-0

KUALA TERENGGANU, 28 Julai (Bernama) -- MSS Terengganu membelasah Persatuan Hoki Daerah Taiping 15-0 pada perlawanan Liga Remaja Kebangsaan di Stadium Hoki Batu Buruk di sini, hari ini.

MSS Terengganu mendahului 8-0 dalam separuh masa pertama.

Terengganu yang bermain dengan baik tidak memberi peluang langsung kepada pasukan pelawat menembusi kawasannya.

Wan Shah Rulnizam Wan Omar dan Mohd Shahrudin Nabil Abdullah menjadi wara MSS Terengganu dengan masing-masing menjaringkan enam gol dan empat gol dalam perlawanan berat sebelah itu.

Terengganu tidak mengambil masa lama untuk memecahkan gawang Taiping apabila Wan Shah Rulnizam Wan Omar menjaringkan gol padang pada minit pertama dan dua minit kemudian Mohd Faizal Hisyam Mat Hassan menjaringkan gol kedua.

MSST terus mengasak dan pada minit ke 11 dan 12 Wan Shah Rulnizam menambahkan dua gol lagi sebelum Mahathir Firi Mokhtar dan Mohd Shahrudin Nabil menjaringkan dua gol.

Sebelum babak pertama berakhir, Wan Shah Rulnizam menjaringkan dua gol lagi untuk menjadikan kedudukan 8-0.

MSST seolah-olah tidak puas dengan jaringan itu, apabila Amirullah Sabda pula menjaringkan gol ke sembilan kira-kira dua minit permainan babak kedua bermula.

Ini diikuti Wan Shah Rulnizam mengukuhkan kedudukan menjadi 11-0 setelah menjaringkan dua gol pada minit ke-48 dan 51 dan Wan Mohd Faizal Mustafa menjaringkan gol ke-12 dua minit selepas itu.

Ketika pemain-pemain Taiping sudah hampir tidak terdaya untuk melawan, MSST menambahkan tiga gol lagi untuk menjadikan perlawanan itu berkeputusan 15-0, melalui jaringan Wan Shah Rulnizam, Mohd Shahrudin Nabil dan Mohamed Ashrafizree Ahmad.

-- BERBAMA

IB ZB